

Swasta, awam perlu erat

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 7 April - Konsep per-
syarikatan Malaysia boleh diperkukuhkan jika
sektor awam dan swasta menjalin per-
sahabatan yang lebih erat dalam semua bidang,
kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, hubungan yang
lebih rapat sedikit sebanyak akan dapat men-
gatasi masalah yang timbul membabitkan
kedua-dua sektor itu.

"Sebagai contoh, idea dan falsafah yang
boleh merapatkan hubungan tersebut dapat
dilakukan melalui permainan golf persaha-
batan," kata beliau.

Abdullah berkata demikian ketika berucap
pada majlis penyampaian hadiah sempena
Pertandingan Golf Piala Perdana Menteri di
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Bukit Kiara
di sini hari ini.

Turut bertanding dalam kejohanan itu
ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek
Hassan; Timbalan Pengerusi Resort World,
Tun Hanif Omar dan Panglima Angkatan
Tentera, Tan Sri Abdul Aziz Zainal.

Pertandingan itu melibatkan 27 pasukan
dengan 13 daripadanya jabatan kerajaan ma-
nakala selebihnya syarikat-syarikat swasta
seperti Maybank, Maxis, Proton, Resort
World dan Putrajaya Holding.

Menurut Abdullah, hubungan persaha-
batan antara kedua-dua belah pihak juga akan
memberi keuntungan kepada negara dan
rakyat.

Perdana Menteri turut menceritakan kes-
ibukan jadual tugasnya semasa berucap
pada majlis tersebut.

"Malam tadi saya menghadiri Makan Ma-
lam Fantasy Gala Petronas Grand Prix Ma-
laysia bersama Yang di-Pertuan Agong, Tuan-
ku Mizan Zainal Abidin.

"Tetapi saya beritahu Yang di-Pertuan Agong,
saya perlu bermain golf esok pagi dan baginda
memberitahu, baginda juga ada permainan golf.


"Rupa-rupanya baginda bermain golf de-
ngan duta-duta manakala saya bermain golf
dengan anda semua," katanya.

Abdullah berkata, selepas majlis itu beliau
akan menghadiri mesyuarat dengan Jawa-
tankuasa Formula Satu Grand Prix Malaysia
Petronas sebelum berlepas ke Langkawi bagi

Hubungan persahabatan antara kedua-dua belah pihak juga akan memberi
keuntungan kepada negara dan rakyat

UM - 8/4/2007

- Abdullah Ahmad Badawi



ABDULLAH Ahmad Badawi memperkatakan sesuatu kepada para peserta ketika sesi bergambar pada Pertandingan Golf Piala Perdana Menteri di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar ABD RAHMAN SALEH

menghadiri Pesta Air Nasional.

Terdahulu, Sidek dalam ucapannya ber-
kata, pertandingan itu merupakan kejo-
h-

nan kali keenam KPGA bertujuan menger-
atkan hubungan antara perkhidmatan awam
dengan sektor swasta.

"Semua pendapatan daripada pertandingan
ini akan disalurkan kepada Tabung Bencana
Negara," kata beliau.